

(Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 14/1/2016

Muka surat: 9

Tajuk : Pelajar Perancis KL kunjungi UNIMAS



KENANGAN ... Seramai 23 orang pelajar dari Sekolah Perancis, Kuala Lumpur yang melawat UNIMAS bergambar bersama kakitangan UNIMAS di Kota Samarahan, semalam.

Pelajar Perancis KL kunjungi UNIMAS

KOTA SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerima kunjungan istimewa daripada 23 pelajar dari Sekolah Perancis, Kuala Lumpur termasuk dua orang guru Bahasa Inggeris, semalam.

Kumpulan pelajar tersebut diketuai oleh Cikgu Patricia Lowis dan Cikgu Mathieu David.

Patricia Lowis mengucapkan terima kasih atas kesudian pihak UNIMAS menerima kunjungan mereka.

Katanya, kunjungan ini akan dapat

memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar Sekolah Perancis Kuala Lumpur, untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai UNIMAS.

"Ini lawatan kedua saya ke UNIMAS. Saya melihat UNIMAS sebagai universiti terbaik untuk dicontohi dan banyak perkara boleh dipelajari di sini. Saya berharap pelajar kami akan mendapat pengalaman ilmu di sini,"ujarnya.

Beliau berkata, pengetahuan yang diperolehi dapat membuka minda pelajar untuk berfikir tentang meneruskan

pelajaran mereka di peringkat lebih tinggi dalam bidang-bidang yang diminati terutama di UNIMAS.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa UNIMAS, Dr. Soubakeavathi Rethinasamy telah memberi penerangan mengenai universiti ini.

Beliau mengalu-alukan kunjungan rombongan berkenaan dan berharap UNIMAS dapat menjadi salah satu universiti pilihan pelajar dari Sekolah Perancis Kuala Lumpur.